



Ramadan bukan pesta boros

Kebiasaannya kedatangan Ramadan dinanti-nantikan seluruh umat Islam dari seantero pelusok dunia bagi meraih peluang dalam melipatgandakan amal ibadah seterusnya merebut ganjaran pahala yang terhidang sebanyak mungkin. Ringkasnya Ramadan boleh diibaratkan sebagai bulan pesta amal ibadah bagi seluruh kaum Muslimin. Hal ini sudah pun menjadi amalan dan budaya seluruh umat Islam termasuk di negara kita sejak turun temurun lagi.

Namun perubahan zaman menyaksikan kini tradisi sambutan Ramadan sebagai bulan pesta amal ibadah seolah-olah semakin luntur dan mula dilupakan oleh masyarakat kita. Sebaliknya sekarang ini Ramadan lebih dilihat sebagai bulan bersuka ria, pesta beli-belah ataupun pesta boros dalam kalangan rakyat di negara kita. Ringkasnya kita terlalu memikirkan apa hendak beli mahupun masak untuk juadah berbuka puasa dan terus fokus kepada aspek perhiasan rumah dan persiapan keluarga menjelang Aidilfitri berbanding pengisian kerohanian yang sepatutnya diutamakan sepanjang bulan mulia ini.

Hakikatnya kedatangan dan sambutan Ramadan yang sepatutnya dipenuhi dengan penghayatan yang mendalam serta amalan murni yang terpuji sebaliknya dewasa ini seringkali dilihat lebih banyak meleakakan dan melalaikan masyarakat kita. Pesta pembaziran iaitu perbelanjaan secara boros nampaknya mula melanda umat Islam negara ini setiap kali Ramadan menjelma. Perbelanjaan secara boros mengikut nafsu pada setiap Ramadan boleh dibahagikan kepada dua jenis perbelanjaan iaitu pemborosan dan pembaziran yang berlaku ketika membeli dan menyediakan juadah berbuka puasa dan juga pembaziran 'menikmati' aktiviti jualan murah yang tumbuh bagai cendawan pada setiap musim perayaan yang besar seperti Aidilfitri.

Walaupun Islam dengan jelas memperincikan kesederhanaan yang perlu ada ketika berbelanja baik dalam aspek pemakanan mahupun perbelanjaan harian lain seperti pembelian barangan keperluan, namun ia masih gagal untuk kita hayati bersama secara mendalam walaupun berada dalam bulan yang sungguh mulia. Maka berlakulah segala jenis pembaziran ketika pembelian juadah berbuka yang selalunya dibeli mengikut hawa nafsu dan bukannya mengikut

keperluan untuk berbuka semata-mata. Akibatnya sejumlah besar hidangan berbuka yang dibeli dibuang begitu sahaja dek tidak mampu dan tak larat lagi untuk dijamah ataupun dihabiskan sewaktu berbuka.

Ini ditambah pula dengan godaan nafsu promosi berbuka puasa di hotel yang lebih dikenali sebagai 'Promosi buffet Ramadan' yang menjanjikan pesta makanan dengan hidangan yang cukup banyak yang akhirnya akan membazir begitu saja. Jujurnya kita bayar mahal untuk berbuka di hotel, tetapi tidak mampu mahupun mungkin dapat makan dan menghabiskan segala menu yang dihidangkan. Dalam hal ini kita masih segar dengan laporan pihak berkuasa sebelum ini betapa setiap Ramadan hampir 200,000 tan makanan dibuang ke dalam tong sampah. Justeru persoalannya sampai bila kita mahu terus membazir seperti ini?

Hakikatnya pembaziran makanan seperti ini cukup menyedihkan apabila kita membandingkan dengan kesusahan dan kebuluran rakyat di negara luar yang begitu miskin dan susah untuk memperoleh makanan walaupun sekali untuk sehari. Misalnya penduduk Islam Rohingya yang sedang berhadapan dengan krisis kemanusiaan sungguh dahsyat. Mereka bukan saja tiada tempat untuk berteduh, malah dilaporkan juga begitu sukar untuk memperoleh bekalan makanan. Baik kanak-kanak mahupun warga tua semuanya mengalami nasib malang cukup meruntun jiwa dan perasaan kita.

Tetapi apa yang berlaku di negara kita pula adalah berbeza sama sekali di mana kita yang sudah terlalu selesa, aman dan mewah dengan mudahnya melakukan pembaziran tanpa sedikitpun rasa bersalah mahupun kesal. Ternyata kita masih gagal untuk mensyukuri nikmat yang dikurniakan kepada kita. Kita terus leka dan lalai tanpa mengambil iktibar dengan kebuluran dan kesusahan yang dialami oleh rakyat di negara lain seperti umat Islam Rohingya. Malah, lebih menyedihkan di mana tatkala ada sekumpulan manusia mati kerana tidak dapat makan rakyat kita di sini pula sering dilaporkan mati akibat terlebih makan kerana menghadapi pelbagai penyakit yang kritikal berpunca daripada makanan.

Begitu juga halnya dengan pembelian pelbagai jenis peralatan dan perkakasan rumah sempena

Aidilfitri lantaran tergoda dengan aktiviti jualan murah dan harga runtuh yang sudah mula berlangsung di seluruh negara sejak sebelum Ramadan lagi. Masyarakat kita seolah-olah tidak dapat dipisahkan daripada budaya keperluan dan kewajipan untuk menukar segala jenis peralatan rumah seperti langsir dan perabot setiap kali menjelang musim perayaan walaupun perkakasan tersebut masih elok dan boleh digunakan dengan baik.

Akibatnya penulis yakin dan percaya ramai dalam kalangan kita yang terpaksa meminjam dan sanggup berhutang dari segenap sumber kewangan demi memuaskan nafsu pembaziran tersebut. Akhirnya ramai yang terjerumus ke lembah hutang yang serius. Ini juga mencerminkan bahawa budaya belanja berhemah masih belum menjadi pegangan, budaya dan amalan dalam kehidupan masyarakat kita dan sekali lagi Ramadan terus dijadikan sebagai bulan pesta boros atau pembaziran di kalangan umat Islam negara kita.

Sewajarnya rakyat kita menginsafi situasi ekonomi mencabar dan peningkatan kos sara hidup yang semakin tidak menentu dan mencengkam kehidupan kita. Pada saat kritikal sebegini kita sepatutnya berbelanja secara berhemah. Peningkatan kos sara hidup secara mendadak, ketidakstabilan nilai mata wang negara serta situasi ekonomi negara dan global yang tidak menentu sedikit sebanyak sudah mula mengganggu kehidupan selesa yang dinikmati oleh rakyat kita sebelum ini. Maka kita seharusnya berubah dan mengubah gaya hidup mengikut tuntutan semasa dan peredaran zaman. Mana mungkin kita terus menikmati gaya hidup mewah dalam situasi seperti ini.

Marilah kita mengambil iktibar dengan apa yang berlaku di negara luar seterusnya mensyukuri segala nikmat yang kita kecapi. Penuhi Ramadan tahun ini dengan amal ibadah dan bukannya pembaziran dan pemborosan yang tidak berfaedah. Ringkasnya biarlah Ramadan terus kekal sebagai bulan pesta amal ibadah dan bukannya bulan pesta boros umat Islam. Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia

